

08/03/2002

Isu KOAM: Kabinet beri mandat kepada Hisham

Lukman Salleh

MENTERI Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein akan bertindak tegas menangani isu penggantungan pendaftaran Kesatuan Olahraga Amatur Malaysia (KOAM) selepas diberi mandat daripada Kabinet menyelesaikan masalah pertubuhan itu.

Sokongan dan mandat penuh itu, adalah satu suntikan semangat kepada Hishammuddin untuk mengambil langkah sewajarnya dalam kontroversi KOAM ini tanpa rasa pilih kasih atau gentar.

Hakikatnya, sokongan Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya kelmarin kepada Hishammuddin adalah mesej jelas kepada pihak yang cuba menimbulkan pelbagai masalah atau memperkecilkan usaha Hishammuddin atau Pesuruhjaya Sukan.

"Kabinet dalam mesyuarat yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, memberi perintah serta mandat kepada saya selaku Menteri Belia dan Sukan untuk menangani isu penggantungan pendaftaran KOAM.

"Saya akan bertindak sewajarnya tanpa rasa takut atau pilih kasih. Saya mahu menyelesaikan isu KOAM ini dengan cara yang efisien dan semua pihak bekerjasama supaya masalah ini tidak berpanjangan," kata Hishammuddin pada sidang akhbar di pejabatnya di Jalan Dato Onn, semalam.

Ketegasan Hishammuddin ini adalah petanda bahawa pihaknya tidak akan gentar atau tunduk kepada pihak yang cuba mencabar atau memperlekehkan tindakan yang diambil kementerianya dan Pesuruhjaya Sukan dalam isu KOAM.

"Saya akan mengadakan pertemuan dengan kepimpinan KOAM minggu depan. Sama ada saya akan berjumpa presidennya saja (Datuk Syed Aidid Syed Murtaza) atau seluruh ahli majlisnya akan saya tentukan selepas rumusan mesyuarat khas majlis KOAM selasa ini.

"Selain itu jika KOAM mahu mengemukakan rayuan penggantungan kepada saya, hendaklah jangan mengemukakan isu atau perkara yang sudah dibangkitkan mereka sebelum ini kerana saya rasa ia hanya satu tindakan sia-sia," katanya.

Mengenai keputusan Persekutuan Olahraga Amatur Antarabangsa (IAAF) yang melarang atlet negara daripada beraksi dalam sebarang kejohanan antarabangsa sepanjang tempoh penggantungan, Hishammuddin, berkata pihaknya akan mendapat penjelasan lanjut daripada badan induk antarabangsa itu.

"Melainkan tindakan Kesatuan Olahraga Australia tidak membenarkan atlet kita bertanding di sana, itupun disebabkan mereka diberikan maklumat yang salah, kita belum mendapat keputusan rasmi dari IAAF.

"Kita akan sentiasa berhubung dengan IAAF dalam perkara ini bagi memastikan mereka mendapat maklumat dan jelas dan lengkap berhubung tindakan Pesuruhjaya Sukan menggantung pendaftaran KOAM.

"Saya ingin tegaskan bahawa kepentingan atlet akan sentiasa dijaga dan kita berharap mereka tidak perlu menunggu lama untuk beraksi," kata Hishammuddin.

(END)